

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JMS 313 – Sejarah Eropah Moden

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Revolusi Perancis 1789 telah menggemparkan bukan hanya negara tersebut tetapi hampir seluruh Eropah. Jelaskan kenapa hal yang sedemikian berlaku?
(100 markah)
2. Menurut Palmer dan Colton, Napoleon menganggap dirinya sebagai seorang ‘reformis agung’. Sejauh manakah anda bersetuju dengan anggapan Napoleon ini?
(100 markah)
3. Menurut Stearns, Revolusi-revolusi 1848 gagal kerana golongan liberal pada masa itu ‘cuba mengendalikan satu revolusi politik tanpa satu revolusi sosial yang menyeluruh.’ Bincangkan.
(100 markah)
4. Jelaskan tujuan Bismarck berusaha dengan gigih untuk menyatupadukan Jerman.
(100 markah)
5. Menurut Deutscher, perbezaan asas di antara sosialisme tradisional dengan Stalinisme terletak pada kesediaan Stalin menggunakan kekerasan bagi mengendalikan transformasi masyarakat. Setujukah anda? Beri ulasan lanjut.
(100 markah)
6. ‘Tentang pembunuhan beramai-ramai orang Yahudi di Jerman, kita haruslah menyalahkan rakyat Jerman dan bukan Hitler kerana beliau dipilih dalam pengundian bebas untuk memegang teraju pemerintahan Jerman.’ (Shimon Arendt). Bincangkan.
(100 markah)